

Strategi Pemerksaan Wanita ke Arah Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan 2030: Kajian Fenomenologi Pembuat Keputusan Pangsapuri Mampu Milik

Women's Empowerment Towards Achieving the Sustainable Development Goal 2030: A Phenomenological Study of Decision-Makers in Affordable Housing Apartments in Selangor

Azlina Ismail^{1*}, Nur Syakiran Akmal Ismail¹

¹ Pusat Pengajian Kerajaan, UUM College Law, Government & International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, MALAYSIA

*Corresponding Author: azliisma17@gmail.com.my
 DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2026.18.01.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 5 Oktober 2025
 Diterima: 7 April 2026
 Diterbitkan: 30 Jun 2026

Kata Kunci

Pemerksaan wanita, wanita pembuat keputusan, wanita dalam jawatankuasa pengurusan, pembangunan komuniti

Abstrak

Penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan merupakan mekanisme yang signifikan untuk mendukung agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030. Namun, tahap penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya di peringkat komuniti masih rendah. Justeru, objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti strategi memperkasakan wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti berdasarkan konteks jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik di Selangor. Jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik berfungsi sebagai entiti pembuat keputusan melalui peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi melalui kaedah temu bual mendalam bersama ahli jawatankuasa pengurusan wanita. Sumbangan baharu kajian ini terletak pada penghasilan strategi pemerksaan wanita yang berasaskan pengalaman hidup dan tafsiran makna informan dalam konteks tadbir urus pangsapuri mampu milik. Hal ini berbeza daripada kajian terdahulu yang lebih menumpukan kepada bidang politik dan korporat serta cenderung menggunakan pendekatan teori. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi tersebut merangkumi tiga domain utama iaitu peluang, kesedaran dan ruang mental seperti yang diuraikan dalam kerangka Gressel et al. (2020). Cadangan strategi ini menyumbang kepada usaha memperkukuh penglibatan wanita dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di peringkat komuniti.

Keywords

Women's empowerment, women decision-makers, women in management board, community development

Abstract

Women's participation as decision-makers constitutes a significant mechanism in advancing the Sustainable Development Goals 2030. However, the level of women's involvement as decision-makers, particularly at the community level, remains low. This paper aims to identify strategies for empowering women as decision-makers within the context of management committees of affordable housing in Selangor. These committees function as key decision-making entities under the Strata Management Act 2013 [Act 757]. The phenomenological approach is employed in this present study, utilising in-depth interviews with female management committee members for data collection. This study is fundamentally notable in the development of empowerment strategy that is constructed based on the lived experiences and the afforded interpretations of meaning by informants in the context of affordable housing management governance. The context is distinctively different from prior studies that emphasized more on political and corporate sectors that are rooted on theoretical approaches. Findings from this study reveal that the strategy encompasses three main domains namely; opportunities, awareness, and mental space as outlined in Gressel et al. (2020). These strategies contribute to strengthening women's participation in decision-making and support the advancement of the Sustainable Development Goals 2030 at the community level.

1. Pengenalan

Di dalam Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030), antara perkara yang diberikan penekanan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah pembangunan lestari yang berteraskan penglibatan awam melalui agenda kesaksamaan gender (SDG5), keadilan sosial (SDG16) serta tadbir urus cekap (SDG17). Agenda-agenda pembangunan tersebut menggalakkan keterlibatan wanita sebagai pembuat keputusan supaya dapat mengurangkan jurang gender dan pengagihan kuasa yang tidak sama rata sebagai pembuat keputusan di antara lelaki dan wanita (Jendia & Jendia, 2019; García-Meca et al., 2023). Selain itu, penglibatan wanita secara signifikan dalam jawatankuasa pengurusan bertujuan agar menjamin suara, keperluan, dan kepentingan mereka diambil kira secara saksama dalam proses pembangunan komuniti (Dobija et al., 2022).

Di negeri Selangor, antara pemerhatian ke atas penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam ruang awam boleh diamati melalui pengalaman mereka sebagai ahli jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik. Jawatankuasa pengurusan ini turut dikenali sebagai pembuat keputusan demi memastikan kecekapan dalam pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri serta mematuhi ketetapan perundangan (Muhamad Azian et al., 2020; Abas et al., 2021; Ahmad Shuhaimi et al., 2022). Melalui bancian Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) (2020) yang melibatkan 193 ahli jawatankuasa pengurusan wanita di 95 kawasan pangsapuri mampu milik, hasil yang diperolehi mendapati perwakilan wanita masih berada pada tahap rendah iaitu di bawah 30 peratus. Ini membuktikan bahawa struktur pembuat keputusan di peringkat komuniti pangsapuri mampu milik masih didominasi golongan lelaki dan wujudnya jurang perwakilan wanita yang menghalang amalan tadbir urus secara inklusif.

Melalui Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 yang bertemakan "Wanita Maju, Selangor Makmur", fokus turut terarah kepada usaha memperkasa keterlibatan wanita sebagai pembuat keputusan seperti yang disenaraikan dalam Matlamat Keempat iaitu; mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita. Bagi mencapai matlamat ini, terdapat empat langkah utama yang telah digariskan termasuk pelaksanaan kuota gender dalam politik, perluasan perwakilan dalam institusi negeri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), latihan kepimpinan transformatif khususnya bagi golongan wanita muda, serta pengukuhan suara wanita dalam masyarakat. Kerajaan Negeri turut mensasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita terlibat di peringkat pembuat keputusan sebagai indikator petunjuk prestasi utama bagi mengukur pencapaian matlamat tersebut (Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd., 2024). Maka, penglibatan wanita dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik negeri Selangor membuka laluan bagi mereka sebagai pembuat keputusan ke peringkat lebih tinggi termasuk bidang utama yang lain. Ini adalah penting serta perlu dilaksanakan secara menyeluruh bermula di peringkat komuniti agar potensi kepimpinan wanita dapat dibangun dan dimanfaatkan ke peringkat lebih tinggi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), parlimen, dan sektor-sektor lain (Boasinke, 2021).

Banyak kajian terdahulu mengenai penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan menumpukan pada konteks politik, korporat dan institusi formal serta menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan teori (Ng &

Mc Gowan, 2023; Dingler & Kroeber, 2022; Nguyen et al., 2020; Abdalla et al., 2022). Beberapa kajian kualitatif yang meneliti penglibatan wanita didapati banyak menggunakan sampel wanita bekerjaya dan ahli politik (Maheswari et al., 2023; Ramli et al., 2021; Winarnita et al., 2022). Namun, pengalaman sebenar wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik masih kurang diterokai dalam literatur, justeru jurang pengetahuan wujud dalam konteks tadbir urus komuniti perumahan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka makna pengalaman wanita sebagai pembuat keputusan dalam pengurusan pangsapuri mampu milik, serta mengenal pasti strategi pemeraksanaan yang timbul daripada interpretasi pengalaman tersebut, selari dengan pendekatan fenomenologi yang menekankan pengalaman hidup dan tafsiran subjektif peserta.

Kajian ini menyumbang kepada pembangunan strategi pemeraksanaan wanita yang lebih holistik dan relevan dalam konteks komuniti semasa, dengan mengadaptasi Women's Empowerment Framework (Gressel et al., 2020) dan menggunakan pendekatan fenomenologi serta sintesis naratif (Hung et al., 2020) untuk memahami pengalaman wanita secara mendalam. Strategi yang dihasilkan bersifat kontekstual, berdasarkan realiti komuniti pangsapuri mampu milik di Selangor, yang boleh dimanfaatkan dalam pengurusan komuniti setempat dan di peringkat lebih tinggi, selari dengan aspirasi pembangunan lestari dan SDG 2030.

2. Ulasan Literatur

Menurut ekologi feminisme, masyarakat menganggap wanita tidak mampu terlibat sebagai pembuat keputusan dan membuat perubahan yang dinamik kepada komuniti. Ini adalah kerana, masyarakat telah menetapkan peranan sosial berdasarkan gender di mana peranan wanita terhad di peringkat domestik dan sebagai pembantu lelaki sahaja. Bahkan, wanita terus terpinggir berikutan masih ada lagi dikalangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan dan ekonomi yang rendah, kurang pengalaman dan kemahiran, serta diskriminasi terhadap hak pemilihan harta (*United Nations Development Programme*, 2020). Wanita juga dilihat akan gagal memberikan komitmen kepada komuniti kerana terikat dengan tanggungjawab utama untuk mengurus keluarga dan bekerja mencari nafkah bagi membantu suami. Stereotaip gender ini telah membentuk sistem patriarki yang mengiktiraf lelaki sebagai golongan unggul atau *male supremacy* serta mendominasi peranan sebagai pembuat keputusan sekaligus meletakkan taraf sosial wanita pada tempat yang lebih rendah (Artaç, & Oğurlu, 2024; Kebede, 2020; Joseph & Mwangi, 2022). Norma dan budaya yang diskriminatif ini bukan sahaja menutup akses terhadap aset dan sumber, tetapi memberi kesan negatif kepada tahap keyakinan diri serta efikasi wanita untuk tampil sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan. Oleh itu, usaha pemeraksanaan perlu digerakkan secara holistik agar penglibatan wanita tidak lagi bersifat simbolik, sebaliknya benar-benar bersifat kritikal, substantif, dan kompeten.

Kajian terdahulu menunjukkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan didorong secara psikologi oleh naluri yang kuat dan tahap kesedaran yang tinggi untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat (Maheshwari et al., 2023; Abdullah & Othman, 2021; Hobgood & Draucker, 2022). Pelbagai latihan perlu disediakan kepada wanita supaya mereka mempunyai kesedaran, keyakinan dan keupayaan untuk terlibat sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan (Ismail et al., 2022; Laire M. Gutierrez & Vafadari, 2022). Bimbingan daripada mentor pemimpin wanita yang berjaya juga menyediakan peluang pembelajaran secara praktikal kepada wanita (Zhang & Zhang, 2022; Roca et al., 2023). Jaringan sosial melibatkan wanita di pelbagai pertubuhan sosial turut menjadi platform untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang dapat meningkatkan kompetensi wanita untuk penyelesaian masalah (Zhang & Zhang, 2022; Childs, 2022). Walau bagaimanapun, Guthridge et al. (2022) menekankan tanpa keizinan dan kerjasama keluarga, khususnya suami, penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan menjadi terhad. Selain itu peranan lelaki sebagai allyship dapat mendukung penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan malahan lebih berkesan daripada sokongan wanita dalam mewujudkan persekitaran kesaksamaan gender (Zhang & Zhang, 2022; Moser & Branscombe, 2022). Justeru, intervensi dasar kerajaan diperlukan bagi menghapuskan struktur patriarki dan diskriminasi gender yang menghalang penglibatan wanita dalam jawatankuasa pengurusan secara serius (Guthridge et al., 2022; Ng et al., 2022). Seiring dengan era moden masa kini, penggunaan media sosial merupakan strategi berkesan untuk menggerakkan kempen kesedaran, perjumpaan jaringan sosial secara maya dan hebahan maklumat secara meluas ke arah pencapaian pemeraksanaan wanita (Ariffin & Ibrahim, 2022). Maka, kajian terdahulu jelas membuktikan strategi pemeraksanaan wanita sebagai pembuat keputusan meliputi pelbagai aspek iaitu peluang melalui aset dan sumber, kesedaran dalaman wanita serta pegangan nilai dan norma oleh aktor-aktor dalam masyarakat.

Berdasarkan Women's Empowerment Framework yang dicadangkan oleh Gressel et al. (2020) seperti di Rajah 1, pemeraksanaan wanita dapat diperhatikan secara terperinci melalui empat domain utama iaitu; domain akses, domain peluang, domain kesedaran, dan domain ruang mental. Domain akses merujuk kepada tahap pencapaian dan kebebasan wanita untuk menembusi halangan struktural dan institusi bagi mendapatkan peluang pemeraksanaan. Domain peluang pula berkaitan dengan ketersediaan aset dan sumber yang boleh dimanfaatkan bagi memperkukuh kedudukan wanita. Seterusnya, domain kesedaran menekankan faktor psikologi dalaman wanita, khususnya kesedaran terhadap hak, potensi diri dan motivasi untuk berdaya saing dalam ruang sosial dan

institusi. Manakala domain ruang mental ditakrifkan sebagai legitimasi sosial dan penerimaan persekitaran yang membentuk norma serta nilai, sekali gus memberi kesan terhadap keupayaan penglibatan wanita secara aktif.



Rajah 1 Domain utama di dalam *Women's Empowerment Framework* yang dicadangkan oleh Gressel et al. (2020)

Walaupun pelbagai model pemerikasaan telah diketengahkan dalam kajian-kajian terdahulu, kebanyakannya bersifat generik serta kurang menekankan konteks sosial dan institusi di Malaysia, khususnya dalam komuniti pangsapuri mampu milik (Kabeer, 1999; Cornwall, 2016; Huis et al., 2017). Beberapa kajian terdahulu turut menekankan kepentingan meneliti penglibatan wanita dalam pertubuhan sosial dan komuniti (Batuqayan & Razak, 2022; Zhang, 2022; Khatri, 2023; Cambrea et al., 2023), khususnya melalui perspektif pengalaman ahli dan pemimpin wanita sendiri (Gavin et al., 2022; Prowse et al., 2022). Ini selaras dengan Hamlet et al. (2022) yang mencadangkan keperluan kajian mengenai penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan komuniti yang berbeza daripada dimensi kepimpinan di sektor korporat. Dalam konteks model pemerikasaan, perbincangan literatur terdahulu juga lebih banyak membincangkan domain peluang (Kabeer, 1999), domain kesedaran (Cornwall, 2016) dan domain ruang mental (Huis et al., 2017) secara terasing. Justeru, bagi mengisi jurang tersebut, kajian ini mengaplikasikan Kerangka Gressel et al. (2020) secara kontekstual berdasarkan pengalaman wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik di Selangor.

Selain itu, masih wujud kekurangan kajian yang menelusuri pengalaman wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti menggunakan pendekatan fenomenologi. Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi (*phenomenology*). Pemilihan pendekatan fenomenologi kerana kesesuaiannya untuk meneroka pengalaman subjektif individu berkaitan sesuatu fenomena yang dikaji secara mendalam (Cresswell & Poth, 2018). Kajian ini mengaplikasikan perspektif fenomenologi tafsiran (*interpretive phenomenology*) yang diasaskan oleh Heidegger dengan menekankan aspek tafsiran (*hermeneutics*) iaitu makna kewujudan manusia dalam konteks sebenar kehidupan (Cresswell & Poth, 2018). Dalam konteks kajian ini, perspektif tersebut dipilih kerana ia bukan sahaja mendeskripsikan pengalaman hidup informan, tetapi juga mentafsir makna pengalaman tersebut dengan mengambil kira pengaruh sosial, budaya dan institusi. Oleh demikian, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengisian jurang literatur, tetapi juga menawarkan perspektif baharu yang lebih holistik dan bermakna dalam memperkukuh penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya di peringkat komuniti selari dengan aspirasi pembangunan lestari dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030).

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan fenomenologi (Creswell, 2007). Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bukan rawak secara bertujuan (*non-random purposive sampling*) (Adeoye-Olatunde dan Olenik, 2021). Kriteria informan ditetapkan secara teliti (Akyildiz dan Ahmed, 2021) iaitu ahli jawatankuasa pengurusan wanita yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman sebagai ahli jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik di negeri Selangor. Sebanyak enam pangsapuri mampu milik telah dikenalpasti dan dipilih mewakili tiga zon di negeri Selangor (utara, tengah dan selatan), dengan setiap zon diwakili oleh dua pangsapuri. Pemilihan dibuat berdasarkan kriteria kewujudan jawatankuasa pengurusan yang aktif serta penglibatan wanita sebagai ahli jawatankuasa. Pembahagian mengikut tiga zon ini bertujuan mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pola penglibatan wanita di pelbagai kawasan sekitar negeri Selangor. Cadangan nama pangsapuri dan informan diperoleh melalui jaringan tempatan (O. Nyumba et al., 2018) iaitu Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT Negeri Selangor. Seramai enam orang informan terlibat dalam kajian ini memandangkan kadar minimum lima peserta telah mencukupi bagi kajian fenomenologi


(Creswell, 2007). Ringkasan profil informan bagi kaedah temubual mendalam adalah seperti tertera di dalam Jadual 1.

Jadual 1 *Profil informan temubual*

Informan	Umur	Tahap Pendidikan Tertinggi	Pekerjaan	Status Perkahwinan	Pengalaman Sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurusan
1	49 tahun	Sijil Pelajaran Malaysia	Surirumah	Berkahwin <i>*4 orang anak</i> <i>*18 tahun ke atas</i>	8 tahun <i>*Ahli Jawatankuasa</i> <i>*Setiausaha</i> <i>*Pengerusi</i>
2	52 tahun	Sijil Pelajaran Malaysia	Usahawan (Pengangkutan Bas)	Ibu Tunggal <i>*2 orang anak</i> <i>*18 tahun ke atas</i>	3 tahun <i>*Pengerusi</i>
3	53 tahun	Sijil Pengurusan Perakaunan	Penolong Akauntan (Syarikat Pembinaan)	Dirahsiakan <i>*Tiada anak</i>	9 tahun <i>*Setiausaha</i> <i>*Pengerusi</i>
4	55 tahun	Sijil Rendah Pelajaran	Surirumah	Berkahwin <i>*1 orang anak</i> <i>*18 tahun ke atas</i>	12 tahun <i>*Ahli Jawatankuasa (Biro Kebersihan)</i>
5	54 tahun	Association of Chartered Certified Accountants	Pengurus Perakaunan (Syarikat Sendiri)	Berkahwin <i>*1 orang anak</i> <i>*13 tahun</i>	10 tahun <i>*Ahli Jawatankuasa</i> <i>*Bendahari</i>
6	52 tahun	Sijil Pelajaran Malaysia	Usahawan (Catering)	Berkahwin <i>*5 orang anak</i> <i>*18 tahun ke atas</i>	10 tahun <i>*Ahli Jawatankuasa</i> <i>*Setiausaha</i>

Informan terdiri daripada wanita pertengahan usia dengan pelbagai latar belakang pendidikan, status pekerjaan, dan taraf perkahwinan. Purata pengalaman mereka dalam jawatankuasa pengurusan ialah sembilan tahun, dengan kesemua mereka pernah memegang jawatan utama seperti pengerusi, setiausaha, bendahari, dan biro utama. Beberapa informan turut memimpin pertubuhan sosial dan jawatankuasa pemajuan strata lain.

Penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu temu bual mendalam bersama informan (Creswell, 2007). Penyelidik menjalankan temu bual secara bersemuka dan merakam perbualan menggunakan peralatan audio serta membuat catatan lapangan bagi merekod pemerhatian penting (Barrett, 2007; Busetto et al., 2020; Adeniran & Tayo-Ladega, 2024). Penyelidik menganalisis data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik (Braun & Clarke, 2006; Maguire & Delahunt, 2017) untuk menghasilkan kod dan tema berpandukan Kerangka Gressel et al. (2020) meliputi tiga domain iaitu domain peluang, domain kesedaran dan domain ruang mental. Seterusnya, penemuan naratif tersebut diterjemahkan kepada bentuk aplikatif melalui jadual matriks yang menghubungkan petikan temu bual, sintesis naratif, dan cadangan strategi (Barnett-Page & Thomas, 2009) dan mengadaptasi kerangka sintesis naratif daripada Hung et al. (2020). Selain temu bual mendalam, penyelidik turut menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai sumber data sokongan (Jasmi, 2012) serta mendapatkan penilaian pakar untuk mengesahkan dapatan kajian (Othman & Kassim, 2019).



Rajah 2 Analisis triangulasi

Penyelidik menggunakan tiga orang pakar dan mengadapatasi pendekatan Riessman (2008) berdasarkan dua perspektif iaitu; *realistik (correspondence)* untuk menilai kesesuaian dapatan dengan realiti pengalaman informan bagi item tahap dan halangan; serta, kebolehlaksanaan *praktikal (pragmatic usefulness)* untuk menilai kebolehlaksanaan strategi yang dicadangkan dalam konteks sebenar. Pakar diminta menetapkan skor dan memberi ulasan justifikasi bagi setiap item yang dinilai. Penyelidik melaksanakan penilaian berpandukan Tanujaya et al. (2023) menggunakan skala Likert lima mata daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Data yang diperoleh dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan MS Excel (Mahato, 2023). Interpretasi bacaan skor min terdiri daripada tiga tahap iaitu 1.00 hingga 2.33 (tahap rendah), 2.34 hingga 3.67 (tahap sederhana) dan (3.68 hingga 5.00) tahap tinggi (Zakaria et.al, 2021; Paidal & Talip, 2022; Syed Azhar et. al, 2022). Tahap persetujuan pakar ke atas cadangan strategi pemerkasaan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik negeri Selangor adalah 4.68 (tahap tinggi). Daripada 11 strategi yang dikenal pasti, dua memperoleh tahap persetujuan sederhana daripada pakar. Namun, keduanya tetap dikekalkan kerana berasaskan pengalaman naratif informan, dan dalam pendekatan fenomenologi, variasi tahap persetujuan mencerminkan realiti sosial yang kompleks serta menambah nuansa kepada pemahaman fenomena. Senarai lengkap panel pakar ditunjukkan dalam Jadual 2.


Jadual 2 Senarai panel pakar penilaian dapatan kajian tahap penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik negeri Selangor

Bil	Nama	Jawatan dan Agensi	Kepakaran	Pengalaman
1.	Pakar A	Penolong Pengarah Kanan, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Perumahan dan pembangunan komuniti negeri Selangor	22 tahun
2.	Pakar B	Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Pembuat keputusan di peringkat jawatankuasa pengurusan dan pihak berkuasa tempatan	16 tahun
3.	Pakar C	Pegawai Penilaian, Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Pengurusan harta dan penyeliaan jawatankuasa pengurusan di pemajuan strata negeri Selangor	14 tahun

Penyelidik mendapatkan persetujuan bertulis daripada setiap informan sebelum menjalankan proses temu bual serta memberi penerangan terperinci mengenai objektif kajian. Penyelidik turut memberi jaminan untuk menjaga kerahsiaan maklumat informan dan mendapatkan pengesahan mereka terhadap interpretasi yang telah dihasilkan ke atas data temu bual mendalam tersebut (Chuah, 2005; Dunwoodie et al., 2023). Seterusnya, penyelidik menjalankan proses analisis data secara sistematik untuk memelihara kebolehpercayaan data mengamalkan prinsip reflektiviti, kredibiliti, kebolehpindahan (*transferability*) dapatan kajian supaya mencerminkan secara autentik pengalaman sebenar informan dan dapat dijadikan rujukan kepada penyelidikan pada masa hadapan (Sundler et al., 2019; Adeniran & Tayo-Ladega, 2024).

4. Dapatan Kajian

Hasil kerangka analisis tematik bagi kajian ini daripada pembinaan kod, pengelasan kategori dan penghasilan tema ditunjukkan dalam Rajah 3 yang diadaptasi daripada Naeem et. al (2023).



Rajah 3 Hasil kerangka analisis tematik adaptasi Naeem et al. (2023)

Dapatan kajian mengenai cadangan strategi pemerikasaan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik negeri Selangor diperoleh melalui sintesis penilaian terhadap pandangan dan pengalaman informan berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri seperti Jadual 3 hingga Jadual 13. Para informan berkongsi pandangan tentang potensi dan ruang yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti. Dapatan ini dibahagikan kepada tiga domain berdasarkan model Gressel et al. (2020) iaitu; domain peluang, domain kesedaran, dan domain ruang mental seperti Rajah 4.



Rajah 4 Strategi pemerikasaan wanita sebagai pembuat keputusan di pangsapuri mampu milik negeri Selangor berdasarkan model Gressel et al. (2020)

5. Perbincangan

Terdapat tiga domain dan strategi-strategi yang telah dikenalpasti seperti yang dibincangkan selanjutnya.

5.1 Domain Peluang

Terdapat enam strategi yang telah dikenalpasti berdasarkan sintesis naratif informan yang diadaptasi daripada kerangka Hung et al. (2014) seperti pada Jadual 3 hingga Jadual 8.

5.1.1 Strategi 1: Menggalakkan Penglibatan Suri Rumah Sebagai Pembuat Keputusan

Sebahagian informan mengatakan suri rumah mempunyai kelebihan masa untuk terlibat dalam jawatankuasa pengurusan kerana tidak terikat dengan waktu pejabat lebih lagi selepas fasa membesarkan anak-anak. Maka, faktor tersebut memudahkan suri rumah untuk membuat pemantauan isu harian seperti keselamatan, kerosakan fasiliti dan aduan penduduk. Selain itu, mereka berupaya membina jaringan sosial yang kukuh dengan jiran dan berpotensi menjadi agen penyampaian maklumat dan pengerak komuniti. Malahan, penglibatan suri rumah berpotensi menjadi salah satu pendekatan berkesan untuk mengatasi isu perwakilan wanita yang rendah akibat beban tanggungjawab keluarga dan kerjaya. Penyertaan golongan ini bukan sahaja dapat meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan malah turut memperkukuh tadbir urus dalam pengurusan pangsapuri mampu milik (Jadual 3). Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Informan 4, “banyak je kat sini perempuan *housewife* dan mereka pemilik” yang menunjukkan bahawa suri rumah merupakan aset komuniti yang signifikan dan mewakili kelompok besar dalam kalangan pemilik unit di pangsapuri.

Jadual 3 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 1

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	“Banyak je kat sini perempuan <i>housewife</i> ...” - Informan 4	Suri rumah adalah kelompok dominan di komuniti	Menggalakkan penglibatan suri rumah sebagai pembuat keputusan
Surirumah	“Saya suri rumah, masa tu ada...” -Informan 1	Suri rumah tidak terikat dengan waktu pejabat	
	“AJK lain semua bekerja...” - Informan 4	Suri rumah memastikan fungsi jawatankuasa dapat berjalan lancar	

5.1.2 Strategi 2: Membangunkan Fungsi Mentoran Ahli Jawatankuasa Wanita Berpengalaman

Informan 6 menyatakan “selepas berpengalaman 10 tahun, semua mengenai pengurusan dan penyenggaraan bangunan saya tahu”. Dapatan ini menggambarkan pengalaman dalam jawatankuasa pengurusan memberikan wanita pembelajaran dan pendedahan untuk membentuk mereka sebagai pembuat keputusan yang kompeten. Keupayaan wanita tersebut telah mendapat kepercayaan daripada badan kerajaan dan masyarakat untuk memimpin jawatankuasa pengurusan di pangsapuri lain. Kejayaan mereka boleh menjadi motivasi dan mendorong wanita lain untuk terlibat sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik. Oleh itu, ahli jawatankuasa wanita yang berpengalaman harus diberi galakan untuk berperanan sebagai mentor untuk memberi pendedahan kepada ahli komuniti wanita (Jadual 4). Ini membantu mengurangkan halangan psikologi serta rasa takut dan kurang yakin wanita melalui proses pembelajaran yang praktikal bersama bimbingan daripada mentor.

Jadual 4 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 2

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	“Saya siap jaga dua lagi pangsapuri di tempat lain...” - Informan 5	Keupayaan wanita sebagai pembuat keputusan dan pemimpin di pelbagai komuniti menunjukkan kemampuan mereka dan boleh mencetus motivasi kepada wanita lain	Membangunkan fungsi mentoran di kalangan ahli jawatankuasa wanita berpengalaman
Ahli Jawatankuasa Pengurusan wanita	“Saya...pengerusi juga di kawasan lain. Saya dah dua kali jadi pengerusi di situ.”	Keupayaan wanita sebagai pembuat keputusan dan pemimpin di pelbagai komuniti menunjukkan	

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
	(Temubual: Informan 6)	kemampuan mereka dan boleh mencetus motivasi kepada wanita lain	

5.1.3 Strategi 3: Memperkasakan Wanita Melalui Aktiviti Komuniti

Majoriti informan bersetuju bahawa aktiviti komuniti adalah medium penting untuk meningkatkan kesedaran, minat dan keyakinan diri kepada wanita untuk terlibat sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik (Jadual 5). Pengalaman tersebut turut dikongsi oleh Informan 1 bahawa penglibatan wanita sebagai sukarelawan menjadikan mereka "...berani berhadapan dengan orang". Beberapa informan juga berpandangan bahawa aktiviti komuniti yang digerakkan secara kolektif membina solidariti yang menyokong penyertaan berterusan kepada wanita. Kesinambungan ini dilihat penting kerana ia bukan sahaja menggalakkan penglibatan aktif, tetapi turut membuka ruang bagi mengangkat aktiviti wanita yang berwibawa sebagai pembuat keputusan dan pemimpin bagi mewakili kumpulan mereka.

Jadual 5 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 3

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	"Selepas <i>join</i> aktiviti...apa nilai tambah...dari situ timbul untuk rajin dan minat..." - Informan 2	Penglibatan wanita dalam aktiviti komuniti memupuk kesedaran dan minat untuk terlibat sebagai pembuat keputusan	Memperkasakan wanita melalui aktiviti komuniti
Aktiviti Komuniti	"KOSPEN...dari situ, dia jadi berani berhadapan dengan orang." - Informan 1	Program KOSPEN memupuk keyakinan wanita melalui pengalaman sukarelawan membuat saringan kesihatan kepada komuniti	
	"Ahli jawatankuasa wanita lebih ramai daripada lelaki... pengerusi persatuan penduduk, ketua kebun komuniti pun wanita..." - Informan 6	Pergerakan wanita secara kolektif di peringkat komuniti melahirkan wanita berpotensi sebagai pemimpin	
	"Saya sebagai Pengerusi Ngo, Pengerusi Persatuan Penduduk, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan...." - Informan 5	Wanita yang aktif dalam pelbagai organisasi komuniti membina kecekapan kepimpinan dan pengaruh yang signifikan di peringkat pengurusan formal.	

5.1.4 Strategi 4: Meningkatkan Keupayaan Pembuat Keputusan Wanita

Kebanyakan informan juga mengakui bahawa kemampuan mereka sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan adalah terhad, khususnya dalam aspek teknikal berkaitan penyenggaraan bangunan. Menurut Informan 1, mereka memerlukan sokongan dengan merekrut pengurus bangunan atau tenaga kerja yang mahir untuk menguruskan operasi teknikal yang kompleks. Informan 5 menyatakan "*machinery company* tu...ajar saya tentang kelengkapan ini" yang memperakui jalinan kerjasama dengan kontraktor dan pembekal dapat meningkatkan keupayaan teknikal mereka dalam bidang tersebut. Pendekatan ini membina keyakinan diri wanita untuk mengurus krisis dengan lebih berkesan serta memperkukuh kompetensi mereka sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti (Jadual 6).

Jadual 6 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 4

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	"..akan dirujuk kepada pengurus bangunan yang dilantik." -Informan 1	Wanita memerlukan sokongan kepakaran dalam pasukan kerja bagi meningkatkan keupayaan membuat keputusan dalam pengurusan pangsapuri	Meningkatkan keupayaan pembuat keputusan wanita
Kumpulan Pakar	"... <i>machinery company</i> ...daripada jadi <i>supplier</i> sampai jadi kawan ajar saya..." -Informan 5	Interaksi dan hubungan jangka panjang dengan pembekal/ kontraktor memberi ruang pembelajaran tidak formal dan <i>hands-on</i> kepada wanita	
	"Kalau macam lif.. saya minta kontraktor datang.. tunjuk apa masalah." -Informan 6		

5.1.5 Strategi 5: Melaksanakan Intervensi Kerajaan yang Efisien dan Berterusan

Sebahagian informan menekankan kepentingan intervensi badan kerajaan untuk meningkatkan penglibatan wanita (Jadual 7). Informan 6 menegaskan peranan Kerajaan "kena buat kursus..." disokong dengan kenyataan Informan 5 bahawa "...kesedaran dan ilmu pengetahuan perlu diterapkan..." bagi membantu wanita memahami kepentingan peranan jawatankuasa pengurusan melalui program kursus. Mereka juga berpandangan supaya promosi mengenai latihan kursus yang dianjurkan kepada wanita dibuat secara meluas dan berkesan. Misalannya, penyampaian maklumat daripada jawatankuasa pengurusan sebagai saluran tempatan dan hebahan notis di papan kenyataan. Selain itu, informan juga menyatakan intervensi kerajaan juga diperlukan melalui sokongan teknikal daripada pegawai agensi yang relevan sebagai pakar rujuk untuk membantu menyelesaikan isu pengurusan di pangsapuri mampu milik.

Jadual 7 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 5

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	"kena buat kursus.." -Informan 6	Keperluan kursus untuk meningkatkan kefahaman wanita tentang peranan mereka dalam jawatankuasa pengurusan	Melaksanakan intervensi kerajaan yang efisien dan berterusan
Intervensi Kerajaan	"..kesedaran dan ilmu pengetahuan perlu diterapkan mengenai kepentingan JMB/MC..." - Informan 5	Pengetahuan formal penting bagi membina kefahaman tentang struktur, fungsi dan kuasa jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik	
	"..inform secara meluas kepada JMB/MC dan minta mereka buat hebahan pada <i>notice board</i> " -Informan 5	Hebahan meluas dan penggunaan saluran tempatan merupakan medium berkesan bagi menyebarkan maklumat kursus	

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
	"Saya juga suka merujuk kepada pegawai agensi kerajaan seperti MPS dan LPHS..." -Informan 2	Pegawai agensi kerajaan berperanan sebagai pakar rujuk dalam menyelesaikan isu pengurusan di pangsapuri mampu milik	

5.1.6 Strategi 6: Membina Jaringan Sosial di Peringkat PBT dan Negeri

Beberapa informan memperakukan bahawa jaringan sosial merupakan medium penting untuk wanita berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan sokongan moral. Berdasarkan pengalaman Informan 2, "saya...wujudkan *group WhatsApp* JMB/MC bagi kawasan MPS..." untuk mendapatkan rujukan pengalaman dan mengutarakan pertanyaan mengenai penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku di pangsapuri dalam kawasan sekitar PBT yang sama. Informan 6 juga menegaskan keperluan "kena rajin luaskan *networking*..." agar banyak maklumat dan pengetahuan dapat dikongsi berdasarkan isu pengurusan pangsapuri yang pelbagai dan berbeza mengikut kawasan. Oleh itu, jaringan sosial perlu dibina di peringkat PBT dan negeri agar perkongsian maklumat dapat diselaraskan secara lebih strategik dan berstruktur (Jadual 8). Selaras dengan era teknologi, jaringan sosial ini boleh dibuat melalui medium komunikasi rasmi secara atas talian untuk capaian yang lebih mudah dan meluas kepada wanita. Pembinaan jaringan sosial tersebut dijangka dapat memberi sokongan emosi dan moral kepada wanita untuk terlibat sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti.

Jadual 8 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 6

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Peluang	"Saya...wujudkan <i>group WhatsApp</i> JMB/MC....tanya kat situ kongsi pengalaman." -Informan 2	Jaringan komunikasi dalam talian seperti WhatsApp melibatkan pembuat keputusan wanita menjadi saluran pantas untuk bertukar pendapat dan sokongan teknikal	Membina jaringan sosial di peringkat pihak berkuasa tempatan dan negeri
Jaringan Sosial	"...lain tempat masalahnya berbeza. Kena rajin luaskan <i>networking</i> ." - Informan 6	Jaringan antara komuniti membolehkan perkongsian penyelesaian terhadap isu pengurusan yang berbeza-beza	

5.2 Domain Kesedaran

Terdapat satu strategi yang telah dikenalpasti berdasarkan sintesis naratif informan yang diadaptasi daripada kerangka Hung et al. (2014) seperti dijelaskan pada Jadual 9.

5.2.1 Strategi 7: Memupuk Kesedaran, Minat dan Motivasi Wanita Terhadap Peranan Kesukarelawanan

Kesemua informan bersependapat bahawa kesedaran wanita selaku pemilik unit untuk terlibat sebagai pembuat keputusan merupakan pemangkin utama kepada penglibatan mereka dalam jawatankuasa pengurusan (Jadual 9). Menurut Informan 2, penglibatan beliau bermula dengan naluri "...untuk membantu tempat tinggal saya..." dengan memberi khidmat secara sukarela. Selain itu, pengiktirafan yang diterima ke atas sumbangan mereka telah membina semangat persaudaraan atau rasa kekitaan (*sense of belonging*) terhadap komuniti sekali gus mendorong penglibatan berterusan. Informan 3 mengatakan "wanita ini perlu *join* dan cuba dulu..." yang menyokong bahawa pendedahan awal sebagai pembantu atau pemerhati membantu menanam minat serta keyakinan untuk mengambil peranan lebih besar. Kesedaran ini juga boleh dipupuk melalui kursus latihan asas dan lanjutan tentang hak pemilik, tanggungjawab jawatankuasa pengurusan, serta kepentingan tadbir urus yang cekap.

Jadual 9 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 7

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Kesedaran	"Untuk <i>encourage</i> wanita <i>join</i> JMB ni patut datang dari diri sendiri." -Informan 4	Dorongan dalaman wanita sangat penting dalam membentuk komitmen mereka untuk terlibat dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik	Memupuk kesedaran, minat, dan motivasi wanita terhadap peranan kesukarelawanan
Wanita	"...niat saya dari dulu sampai sekarang untuk membantu tempat tinggal saya..." -Informan 2	Niat dan semangat ingin menyumbang kepada kesejahteraan komuniti menjadi pendorong kuat kepada penglibatan wanita	
	"...saya ada perasaan seronok dan bangga juga, rasa orang kenal kita, tahu bakat kita." -Informan 6	Rasa tanggungjawab dan kebanggaan terhadap komuniti mendorong penglibatan jangka panjang	
	"Wanita ini perlu <i>join</i> dan cuba dulu." -Informan 3	Pengalaman secara langsung akan meningkatkan pemahaman dan keinginan wanita untuk terlibat sebagai pembuat Keputusan	
	"Bagi saya kalau diberi peluang dengan kesedaran dan pendidikan lebih banyak, memang mereka akan ceburi." -Informan 5	Peningkatan kesedaran perlu disertakan dengan pendidikan supaya wanita lebih yakin dan mampu menyumbang	

5.3 Domain Ruang Mental

Terdapat empat strategi yang telah dikenalpasti berdasarkan sintesis naratif informan yang diadaptasi daripada kerangka Hung et al. (2014) seperti pada Jadual 10 hingga Jadual 13.

5.3.1 Strategi 8: Mengukuhkan Persefahaman Suami Terhadap Perkongsian Tanggungjawab dan Autonomi Keluarga

Beberapa informan bersetuju bahawa sokongan suami merupakan faktor penting yang membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam jawatankuasa pengurusan. Berdasarkan pengalaman Informan 4, "di rumah saya ada *power*, suami kena dengar cakap saya" menunjukkan autonomi yang diberikan oleh pasangan membolehkan wanita membuat keputusan sendiri dan mendapat kebebasan untuk terlibat sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan di pangsapuri mampu milik. Informan berpandangan bahawa persefahaman ini membolehkan mereka mengimbangi peranan keluarga dengan tanggungjawab sosial. Maka, memberi kesedaran kepada pasangan mengenai konsep perkongsian tanggungjawab dalam institusi keluarga adalah penting untuk memecahkan stereotaip gender dan membuka lebih banyak ruang kepada wanita untuk terlibat dalam kepimpinan komuniti (Jadual 10).

Jadual 10 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 8

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Ruang Mental	"Suami saya tak pernah menghalang apa yang saya buat... Urusan rumahtangga ini memang dia yang lebih banyak buat." -Informan 6	Pembahagian tanggungjawab rumahtangga secara menyeluruh oleh suami memberi ruang masa dan tenaga kepada wanita untuk berkhidmat dalam jawatankuasa.	Menguatkan persefahaman suami terhadap perkongsian tanggungjawab dan autonomi keluarga
Suami	"Saya masih boleh <i>join</i> sebab suami terpaksa mengalah sebab saya degil. Di rumah saya ada <i>power</i> , suami kena dengar cakap saya." -Informan 4	Autonomi wanita dalam membuat keputusan sendiri merupakan faktor penting yang mengatasi halangan tradisi patriarki.	

5.3.2 Strategi 9: Mendukung Peranan Wanita Melalui Kesedaran dan Sokongan Komuniti

Sebahagian informan berkongsi pandangan bahawa sokongan komuniti setempat memberi pengaruh besar kepada penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan. Seperti pengalaman di pangsapuri Informan 1 "...di pangsapuri saya tanpa wanita tidak boleh hidup" menunjukkan keyakinan komuniti terhadap kebolehan wanita sebagai agen penggerak komuniti. Maka, pengiktirafan daripada komuniti membuktikan bahawa wanita adalah elemen penting dalam kelangsungan pengurusan pangsapuri seterusnya membuka ruang kepada wanita untuk terlibat sebagai pembuat keputusan tanpa halangan gender. Oleh itu, kesedaran komuniti tentang kepentingan penyertaan wanita perlu diperkukuh agar dapat menghapuskan stereotaip gender dan mewujudkan struktur pembuat keputusan di peringkat komuniti yang lebih inklusif (Jadual 11).

Jadual 11 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 9

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Ruang Mental	"Kat sini tak pernah rasa lelaki mempertikaikan wanita jadi ahli jawatankuasa pengurusan. Mungkin agaknya mereka nampak biarlah je wanita, asalkan dorang buat cantik, elok." -Informan 6	Sokongan masyarakat khususnya ahli komuniti lelaki kepada wanita terbit daripada kepercayaan terhadap kecekapan wanita mengurus dan memimpin dengan berkesan	Mendukung peranan wanita melalui kesedaran dan sokongan komuniti
Komuniti	"Wanita perlu terlibat sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan kerana seperti di pangsapuri saya tanpa wanita tidak boleh hidup." -Informan 1	Sokongan terbuka dari komuniti mewujudkan persekitaran mesra wanita dan menggalakkan penyertaan mereka secara aktif	

5.3.3 Strategi 10: Mewujudkan Budaya Kerjasama Gender Melalui Penerimaan, Komunikasi, dan Bimbingan Lelaki

Informan 6 menegaskan bahawa penerimaan dan bimbingan daripada ahli jawatankuasa lelaki memberi sokongan moral yang besar kepada wanita dalam membina keyakinan diri. Berdasarkan pengalaman Informan 6, ahli jawatankuasa pengurusan lelaki di pangsapuri beliau mengamalkan komunikasi terbuka dan hubungan kerja yang setara dengan wanita di mana "suara perempuan ni didengar...". Norma tersebut membuatkan wanita merasa lebih dihargai dan diiktiraf sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan. Informan 6 turut menyatakan peranan mentor yang dimainkan oleh pengerusi lelaki dalam jawatankuasa pengurusan menjadikan beliau berani dan mampu menangani tekanan sosial dengan efektif. Maka, kerjasama gender melalui

komunikasi, penerimaan dan bimbingan adalah asas penting dalam membentuk budaya pengurusan komuniti yang progresif dan saksama (Jadual 12).

Jadual 12 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 10

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Ruang Mental Lelaki	“Suara perempuan ni didengar.” -Informan 6	Wujud struktur komunikasi yang terbuka dan inklusif dalam jawatankuasa yang membolehkan suara wanita diberi perhatian setara.	Mewujudkan budaya kerjasama gender melalui penerimaan, komunikasi, dan bimbingan
	“Mentor saya Encik Yusof seorang yang penyabar... Saya boleh jadi macam dia.” -Informan 6	Sokongan lelaki sebagai mentor memberi kesan positif terhadap perkembangan kemahiran kepimpinan wanita, terutamanya dalam aspek emosi dan sosial.	

5.3.4 Strategi 11: Melatih Wanita Aktif Secara Sosial sebagai Pemangkin Kesedaran dan Penyampai Maklumat

Berdasarkan pengalaman Informan 5, beliau mempercayai potensi wanita yang aktif secara sosial untuk memberikan pengaruh besar dalam kalangan komuniti. Menurut Informan 5, wanita ini boleh digerakkan daripada sekadar penyampai maklumat tidak formal kepada ejen perubahan sosial yang menyebarkan maklumat bermanfaat. Maka, kumpulan wanita yang aktif boleh dilatih menjadi penyampai maklumat atau *community influencer* yang berupaya membina kesedaran, menyebarkan pengetahuan tentang hak serta peluang, dan menggalakkan penglibatan wanita lain sebagai pembuat keputusan untuk amalan tadbir urus yang baik yang lebih inklusif, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan komuniti secara menyeluruh (Jadual 13).

Jadual 13 Sintesis naratif informan bagi cadangan strategi 11

Domain	Petikan Temubual	Sintesis Naratif	Cadangan Strategi
Domain Ruang Mental Kumpulan Penggerak Wanita	“..kita kenalpasti wanita-wanita yang <i>talkative</i> di kawasan itu. Kita <i>approach</i> wanita-wanita ini... Kita tukar peranan mereka daripada gosip banyak banyak kepada pemberi informasi.” -Informan 5	Wanita yang aktif bersosial boleh dilatih menjadi penyampai maklumat yang berkesan dalam komuniti, bukan sekadar penyebar gosip tidak formal.	Melatih wanita aktif secara sosial sebagai pemangkin kesedaran dan penyampai maklumat

Rumusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa strategi pemerkasaan wanita yang dikenal pasti bukan sekadar senarai intervensi praktikal, tetapi merupakan manifestasi langsung daripada **makna pengalaman hidup wanita sebagai pembuat keputusan** dalam konteks tadbir urus pangsapuri mampu milik. Melalui pendekatan fenomenologi, kajian ini memperlihatkan bagaimana pengalaman tersebut membentuk tiga domain utama iaitu peluang, kesedaran dan ruang mental yang saling berinteraksi dalam mempengaruhi keupayaan dan keberanian wanita untuk terlibat secara aktif dalam struktur kepimpinan komuniti. Dengan kata lain, strategi yang dicadangkan bukan bersandarkan teori semata-mata, tetapi terhasil secara autentik daripada interpretasi pengalaman sebenar informan.

Dari sudut sumbangan teori, kajian ini mengembangkan kerangka *Women's Empowerment Framework* oleh Gressel et al. (2020) dengan memperlihatkan bagaimana ketiga-tiga domain tersebut beroperasi secara kontekstual dalam realiti pengurusan strata perumahan mampu milik. Dapatan menunjukkan bahawa domain peluang (seperti jaringan sosial, mentor dan intervensi institusi) menyediakan akses dan sumber, manakala domain kesedaran membentuk dorongan dalaman dan makna penglibatan, dan domain ruang mental pula berfungsi sebagai prasyarat psikososial yang membolehkan wanita menegosiasi norma gender serta peranan domestik. Hubungan dinamik antara ketiga-tiga domain ini memperkukuh pemahaman bahawa pemerkasaan wanita adalah proses berlapis dan berasaskan pengalaman, bukan sekadar hasil daripada dasar atau struktur formal.

Dari perspektif implikasi dasar dan pembangunan, dapatan kajian ini secara langsung menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam kepimpinan dan proses

membuat keputusan (SDG 5). Strategi yang dikenal pasti menunjukkan bahawa peningkatan penyertaan wanita bukan hanya bergantung kepada peluang formal, tetapi memerlukan pengukuhan kesedaran sendiri dan sokongan sosial yang inklusif di peringkat komuniti. Selain itu, penekanan terhadap jaringan sosial, kolaborasi dengan agensi kerajaan, dan perkongsian pengetahuan antara komuniti mencerminkan elemen perkongsian strategik (SDG 17) yang penting dalam memastikan kelestarian pengurusan strata. Dalam konteks ini, pemerkasaan wanita berfungsi sebagai pemangkin kepada tadbir urus komuniti yang lebih inklusif, responsif dan berdaya tahan.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana strategi pemerkasaan wanita dibentuk, diadaptasi dan dilaksanakan dalam konteks sebenar komuniti, sekali gus mengisi jurang kajian yang sebelum ini kurang meneliti dimensi pengalaman hidup wanita dalam pengurusan strata. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh asas empirikal dalam kajian pemerkasaan wanita, tetapi turut menyediakan asas yang lebih kukuh untuk pembangunan dasar dan amalan yang lebih kontekstual dan berimpak tinggi.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa strategi memperkasakan wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik merangkumi gabungan tiga domain yang saling melengkapi, iaitu; peluang, kesedaran, dan ruang mental. Domain peluang menekankan wanita sendiri sebagai aset utama dan sumber melalui aktiviti komuniti, intervensi kerajaan dan jaringan sosial dapat memperkukuh kapasiti teknikal serta legitimasi sosial mereka. Domain kesedaran pula merujuk kepada faktor dalaman iaitu minat dan motivasi mendorong wanita untuk keluar daripada peranan tradisional yang pasif kepada peranan pembuat keputusan yang aktif. Sementara itu, domain ruang mental menegaskan keperluan kepada sokongan emosi dan psikososial, termasuk persefahaman pasangan, penerimaan komuniti, budaya kerjasama gender yang inklusif dan wanita sebagai agen perubahan ke arah pembentukan budaya keseksamaan gender dalam masyarakat.

Sintesis ketiga-tiga domain ini memperlihatkan bahawa keberhasilan penyertaan wanita bukan hanya bergantung kepada satu faktor tunggal, tetapi merupakan hasil interaksi kompleks antara akses peluang, motivasi dalaman dan sokongan psikososial. Hal ini memperkukuh hujah literatur terdahulu bahawa pemerkasaan wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat komuniti memerlukan pendekatan holistik yang merentas pelbagai tahap individu, keluarga, masyarakat dan institusi kerajaan. Justeru, kajian ini mengemukakan kerangka tindakan strategik bagi memperkasa wanita sebagai pembuat keputusan dalam jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik di Selangor. Kerangka ini mampu memberikan implikasi signifikan terhadap amalan dasar dan tadbir urus komuniti secara lebih inklusif dan transformatif. Kajian masa hadapan wajar menumpukan perhatian kepada pemerkasaan suri rumah sebagai aset komuniti yang strategik. Hal ini bukan sahaja meningkatkan keterwakilan wanita dalam jawatankuasa pengurusan pangsapuri mampu milik, tetapi turut memperkukuh tadbir urus komuniti yang inklusif, mampan, dan cekap sejajar dengan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang wajar diambil kira dalam menafsirkan dapatan. Pertama, saiz sampel yang kecil kerana pendekatan fenomenologi yang digunakan lebih menekankan kepada pemahaman mendalam terhadap pengalaman dan makna yang dikongsi oleh peserta, dan bukan bertujuan untuk membuat generalisasi kepada populasi yang lebih luas. Kedua, ketiadaan perspektif lelaki dalam kajian ini kerana kajian menumpukan pengalaman wanita. Ketiga, skop kajian ini hanya tertumpu kepada pangsapuri mampu milik di negeri Selangor, justeru dapatan mungkin tidak menggambarkan realiti di negeri lain yang mempunyai konteks sosioekonomi, budaya, dan dasar perumahan yang berbeza.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dalam menerbitkan artikel ini.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan dengan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

Semua penulis menyumbang dalam penghasilan artikel ini secara pro aktif.

Rujukan

- Abas, D. N., Zakaria, R., Aminudin, E., Ab Lah, N. A., Mohamad Nor Sharin, N. S. A., & Sahamir, S. R. (2021). Issues and challenges of joint management body in high-rise residential facilities management: The developers. *Civil Engineering and Architecture*, 9(5A), 33–40.
- Abdalla, F. H., Samah, A. A., Hashim, A. H., & Rosnon, M. R. (2022). Relationship between participation and women empowerment in the tourism industry; a Structural Equation Modeling Approach. *South Asian Research Journal of Business Management*, 4(1), 11-27.
- Abdullah, N., & Othman, N. (2021). Analisis Efikasi Kendiri Kepimpinan Dalam Kalangan Penjawat Awam Wanita Di Putrajaya, Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 195–204.
- Adeniran, A. O., & Tayo-Ladega, O. (2024). Critical analysis of phenomenological research design in a qualitative research method. *Management Analytics and Social Insights*, 1(2), 186–196. 10.22105/ad338t15
- Ahmad Shuhaimi, A. A., Mohamed Osman, M., Rabe, N. S., Syed Khuzzan Alhabshi, S. M., & Aripin, D. (2022). Enforcements and offences under the Strata Management Act. *Planning Malaysia: Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 20(1), 36–47.
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Malaysia) (Akta 757).
- Adeoye-Olatunde, O. A., & Olenik, N. L. (2021). Research and scholarly methods: Semi-structured interviews. *JACCP Journal of the American College of Clinical Pharmacy*, 4(10), 1358–1367. 10.1002/jac5.1441
- Akyıldız, S. T., & Ahmed, K. H. (2021). An overview of qualitative research and focus group discussion. *International Journal of Academic Research in Education*, 7(1), 61–73. 10.17985/ijare.866762
- Ariffin, K. K., & Ibrahim, F. (2022). Contributing Factors towards Women ' s Leadership in Malaysia Creative Industry : A Preliminary Findings. *Forum Komunikasi*, 17(1), 70–86. 10.24191/FK.V17i1.2022_04
- Artaç, N. H., & Oğurlu, E. (2024). A qualitative study on the attitudes of women politicians toward their roles in politics: A case of Northern Cyprus. *Frontiers in Psychology*, 14, 1304905. 10.3389/fpsyg.2023.1304905
- Barret, J. R. (2007). The researcher as instrument: Learning to conduct qualitative research through analyzing and interpreting a choral rehearsal. *Music Education Research*, 9(3), 417-433.
- Barnett-Page, E., & Thomas, J. (2009). Methods for the synthesis of qualitative research: A critical review. *BMC Medical Research Methodology*, 9(1), 59. 10.1186/1471-2288-9-59.
- Boasinke, R. K. (2021). Women's participation in local government: An assessment of enhancers and inhibitors in the Komenda-Edina-Eguafo-Abirem municipality. *PanAfrican Journal of Governance and Development*, 2(2), 146-169.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Busetto, L., Wick, W., & Gumbinger, C. (2020). How to use and assess qualitative research methods. *Neurological Research and Practice*, 2(1).
- Cambrea, D. R., Paolone, F., & Cucari, N. (2023). Advisory or monitoring role in ESG scenario: Which women directors are more influential in the Italian context? *Business Strategy and the Environment*, June 2022, 1–16.
- Childs, S. (2022). Feminist Institutional Change: The Case of the UK Women and Equalities Committee. *Parliamentary Affairs*. *Parliamentary Affairs*, 76(3) <https://doi.org/10.1093/pa/gsab066>
- Chuah, K. H. (2005). Menyingkap isu-isu etika dalam penggunaan data peribadi pada laporan penyelidikan tindakan. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 6, 53-72.
- Cornwall, A. (2016). Women's empowerment: What works? *Journal of International Development*, 28(3), 342–359.

- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Cresswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (ed. 4). Singapore: Sage Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Dingler, S. C., & Kroeber, C. (2022). Myths out women in the political executive - How gender stereotypes shape the way MPs assess the competences of ministers. *Political Research Quarterly*, 76(3), 1403-1417.
- Dobija, D., Hryckiewicz, A., Zaman, M., & Puławska, K. (2022). Critical mass and voice: Board gender diversity and financial reporting quality. *European Management Journal*, 40(1), 29-44.
- Dunwoodie, K., Macaulay, L., & Newman, A. (2023). Qualitative interviewing in the field of work and organisational psychology: Benefits, challenges and guidelines for researchers and reviewers. *Applied Psychology*, 72(2), 863-889.
- García-Meca, E., Ramón-Llorens, M. C., & Martínez-Ferrero, J. (2023). Feminine expertise on board and environmental innovation: the role of critical mass. In *Review of Managerial Science* (Issue 0123456789).
- Gavin, M., McGrath-Champ, S., Stacey, M., & Wilson, R. (2022). Women's participation in teacher unions: Implications of a 'triple burden' for union gender equality strategies. *Economic and Industrial Democracy*, 43(2), 830-852.
- Gressel, C. M., Rashed, T., Maciuka, L. A., Sheshadri, S., Coley, C., Kongeseri, S., & Bhavani, R. R. (2020). Vulnerability mapping: A conceptual framework towards a context-based approach to women's empowerment. *World Development Perspectives*, 20(January).
- Guthridge, M., Kirkman, M., Penovic, T., & Giummarra, M. J. (2022). Promoting Gender Equality: A Systematic Review of Interventions. *Social Justice Research*, 35(3), 318-343.
- Hamlet, L., Gutierrez, V. B., Soto, A., & Dickin, S. (2022). Barriers to women's participation, leadership, and empowerment in community-managed water and sanitation in rural Bolivia. *H2Open Journal*, 5(3), 532-548.
- Hobgood, C., & Draucker, C. (2022). Gender Differences in Experiences of Leadership Emergence among Emergency Medicine Department Chairs. *JAMA Network Open*, 5(3), 1-10.
- Huis, M. A., Hansen, N., Otten, S., & Lensink, R. (2017). *A three-dimensional model of women's empowerment: Implications in the field of microfinance and future directions*. *Frontiers in Psychology*, 8, Article 1678.
- Hung, T. T. M., Chiang, V. C. L., Dawson, A., & Lee, R. L. T. (2020). Understanding of factors that enable health promoters in implementing health-promoting schools: A systematic review and narrative synthesis of qualitative evidence. *PLoS ONE*, 15(3), e0230020.
- Ismail, N. S. A., Hassan, K., & Ma'adan, M. (2022). Halangan Untuk Mencapai Keseimbangan Antara Kerjaya Dan Kehidupan Wanita Bekerja Di Sektor Awam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 169-190.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, (hlm. 28-29). Puteri Resort Melaka.
- Jendia, C., & Jendia, C. (2019). *The Culture Factor in Women's Empowerment in Leadership The Culture Factor in Women's Empowerment in Leadership*. 9(2), 264-282.
- Joseph, K. I., & Mwangi, J. W. (2022). Influence of gender equality in the management committee on community-led monitoring of borehole water projects. *African Journal of Empirical Research*, 3(1), 115-127.
- Kabeer, N. (1999). Resources, agency, achievements: Reflections on the measurement of women's empowerment. *Development and Change*, 30(3), 435-464.
- Kebede, A. (2024). Opportunities and challenges of women's participation in decision-making at local government administration: The case of Debre-Tabor City Administration, South Gondar Zone, Amhara Regional State, Ethiopia.

- Khatri, I. (2023). Board gender diversity and sustainability performance: Nordic evidence. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 30(3), 1495–1507.
- Laire M. Gutierrez, E., & Vafadari, K. (2022). Exploring the Relationship between Women's Participation, Empowerment, and Community Development in Tourism: A Literature Review. 61–39, 2, مجلة بيت المشورة. 10.33001/18355/IMJCT0105
- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. (2020). *Hasil bancian ahli jawatankuasa pengurusan wanita di pangsapuri mampu milik*. Laporan tidak diterbitkan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Shah Alam.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a thematic analysis: A practical, step-by-step guide for learning and teaching scholars. *All Ireland Journal of Higher Education*, 9(3), 3351–33514.
- Maheshwari, G., Gonzalez-Tamayo, L. A., & Olarewaju, A. D. (2023). An exploratory study on barriers and enablers for women leaders in higher education institutions in Mexico. *Educational Management Administration and Leadership*.
- Mahato, T. K. (2023). Biostatistics: Simple practical way to use Microsoft Excel to find mean, median, mode, standard deviation and correlation. *Journal of Pharmaceutical Research and Health Care*, 13(3), Article 0128.
- Maheshwari, G., Gonzalez-Tamayo, L. A., & Olarewaju, A. D. (2023). An exploratory study on barriers and enablers for women leaders in higher education institutions in Mexico. *Educational Management Administration & Leadership*, 51(8), 1582–1598.
- Moser, C. E., & Branscombe, N. R. (2022). Male allies at work: Gender-equality supportive men reduce negative underrepresentation effects among women. *Social Psychological and Personality Science*, 13(2), 372–381.
- Muhamad Azian, F. U., Yusof, N., & Mustafa Kamal, E. (2020). Problems in high rise residential building: From management perspective. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 452(1), 012087
- Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. (2023). *A step-by-step process of thematic analysis to develop a conceptual model in qualitative research*. *International Journal of Qualitative Methods*, 22.
- Ng, E. S., & McGowan, R. A. (2023). Breaking the glass ceiling: Views of women from the second-wave feminist movement. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 40(2), 173-187.
- Ng, P. Y., Wood, B. P., & Bastian, B. L. (2022). *Reformulating the empowerment process through women entrepreneurship in a collective context*. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 28(9), 154-176.
- Nguyen, T. H., Ntim, C. G., & Malagila, J. K. (2020). Women on corporate boards and corporate financial and non-financial performance: A systematic literature review and future research agenda. *International Review of Financial Analysis*, 71(October), Article 101554.
- O.Nyumba, T., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N. (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. *Methods in Ecology and Evolution*, 9(1), 20–32.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2019). Kesahan dan kebolehppercayaan instrumen amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di dalam mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menerusi pengajaran akidah. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 15–28.
- Paidal, M., & Talip, R. (2022). *Kesediaan murid Generasi-Z di SMK Badin Tuaran dalam pembelajaran teradun Bahasa Melayu dalam era COVID-19*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1–10.
- Prowse, J., Prowse, P., & Perrett, R. (2022). 'Women take care and men take charge': The case of leadership and gender in the Public and Commercial Services Union. *Economic and Industrial Democracy*, 43(2), 773–792.

- Ramli, N. A., Aboo Talib@Khalid, K., & Ismail, H. (2021). Intersectionality: Implikasi Proses Sosialisasi Politik terhadap Budaya Politik Wanita Cina di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8), 45-58.
- Roca, D., Suárez, A., & Meléndez-Rodríguez, S. (2023). Female creative managers as drivers for gender diversity in advertising creative departments: a critical mass approach. *Gender in Management: An International Journal*, 39(4), 465–479.
- Sundler, A. J., Lindberg, E., Nilsson, C., & Palmér, L. (2019). Qualitative thematic analysis based on descriptive phenomenology. *Nursing Open*, 6(3), 733–739.
- Syed Azhar, S.N.F.; Mohammed Akib, N.A.; Sibly, S.; Mohd, S. (2022). Students' Attitude and Perception towards Sustainability: The Case of Universiti Sains Malaysia. 14, 3925.
- Tanujaya, B., Prahmana, R. C. I., & Mumu, J. (2023). Likert scale in social sciences research: Problems and difficulties. *FWU Journal of Social Sciences*, 16(4), 89–101.
- United Nations Development Programme. (2020). *Human development report 2020: The next frontier—Human development and the Anthropocene*. United Nations Development Programme.
- Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd. (2024). *Dasar & Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026*.
- Winarnita, M., Bahfen, N., & Mintarsih, A. R. (2022). Gendered digital citizenship: How Indonesian female journalists participate in gender activism. *Journalism Practice*, 16(4), 621-636.
- Zakaria, M. R., Mustaffa, N., & Mohamad, E. (2021 February). *Dimensi dinamik kredibiliti sumber dalam Program Doktor Muda* [Kertas persidangan]. Seminar Kebangsaan Komunikasi 2021 (SEKOM 2021), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Zhang, C., & Zhang, C. (2022). The Role of Nonprofit Organizations in Overcoming Gender Inequality in Career Advancement — Take Catalyst for Example. *Proceedings of the 2022 8th International Conference on Humanities and Social Science Research (ICHSSR 2022)*, 664, 1192–1198. 10.2991/assehr.k.220504.217